

Headline	TH peruntuk subsidi lebih RM160j		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	16	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	258 cm ²
Journalist	rCLAHCAR^^°lk C^kVL	AdValue	RM 6,721
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,164



Bantu jemaah nikmati kemudahan selesa ketika tunaikan rukun Islam kelima

TH peruntuk subsidi lebih RM160j

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

KUALA LUMPUR – Lembaga Tabung Haji (TH) memperuntukkan subsidi lebih RM160 juta setahun bagi memastikan bayaran kos mengerjakan haji kekal RM9,980.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, subsidi tersebut membolehkan jemaah haji muasassah dapat menikmati segala kemudahan yang disediakan dengan selesa walaupun kos haji mencecah RM18,890 seorang bagi musim ini.

“Pemberian subsidi ini merupakan tanggungjawab sosial korporat kita yang terbesar dan terpenting dalam memastikan bakal jemaah

haji negara mampu untuk menunaikan haji,” katanya ketika melancarkan Program Iqra anjuran TH di Dewan Darul Kifayah, Batu Caves semalam.

Turut hadir Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Selain pemberian subsidi haji, Jamil Khir memberitahu, TH turut memperuntukkan RM2 juta untuk program Iqra TH 2016 bagi membantu lebih 4,000 pelajar asnaf dan kurang berkemampuan dalam membuat persiapan untuk sesi persekolahan pada tahun hadapan.

Menurutnya, program yang pertama kali dilancarkan itu menye-

diakan peruntukan besar dalam pendidikan dengan setiap seorang pelajar terpilih menerima sumbangan sebanyak RM500 setiap seorang.

“Daripada jumlah tersebut, RM200 merupakan kelengkapan persekolahan seperti uniform sekolah, alat tulis dan beg manakala baki RM300 pula diberi secara tunai sebagai perbelanjaan dan keperluan lain.

“Kita berharap sumbangan ini dapat meringankan beban selain menyuntik semangat pelajar untuk terus berdaya maju dalam pelajaran,” ujarinya.

Terdahulu, Jamil Khir menyampaikan sumbangan kepada 468 pelajar daripada 16 buah sekolah di Zon Sentul peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah keseluruhan RM234,000.

Headline	TH peruntuk subsidi lebih RM160j		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	16	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	258 cm ²
Journalist	rCLAHCAR^^°lk C^kVL	AdValue	RM 6,721
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,164



JAMIL KHIR (kiri) dan Abdul Azeez (dua dari kiri) beramah mesra dengan peserta yang hadir pada Program Iqra 2016 anjuran TH di Dewan Darul Kifayah, Batu Caves semalam.